

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]**

SOALAN

minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan jumlah siasatan serta tindakan yang telah diambil oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) terhadap penyebar kandungan berita palsu dan adakah Kementerian akan menaikan jumlah hukuman denda kepada pesalah penyebar berita palsu.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Antara tahun 2018 sehingga 30 September 2021, sejumlah **129** kertas siasatan berkaitan berita palsu telah dibuka di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588]. Daripada jumlah tersebut, **8** kes telah dihadapkan ke mahkamah, **1** kes telah diambil tindakan kompaun, serta **15** kes diberikan surat amaran.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 38 kertas siasatan telah dibuka pada tahun 2018 tanpa sebarang pendakwaan. Bagi tahun 2019, sebanyak 18 kertas siasatan telah dibuka dengan 2 kes pendakwaan. Bagi tahun 2020, sebanyak 67 kertas siasatan telah dibuka dengan 6 kes pendakwaan, 1 kes dikompaun serta 15 kes diberikan surat amaran. Bagi tahun 2021 pula sehingga 30 September 2021, sebanyak 6 kes telah disiasat dan tiada sebarang pendakwaan.

Bagi maksud menaikkan hukuman denda bagi kesalahan di bawah Seksyen 233 Akta 588, selaras dengan cadangan penambabaikan Akta 588 dalam aspek perlindungan pengguna, jumlah hukuman sedia ada iaitu denda tidak lebih RM50,000 dan juga penjara tidak lebih setahun atau kedua-duanya akan dikaji semula oleh pihak Kerajaan. Rang Undang-Undang pindaan Akta 588 ini dijadualkan untuk dibentangkan di Parlimen selewat-lewatnya pada tahun hadapan.